

Sukan

'Hall of Fame' cerminan kejayaan

Pemilihan ke pameran boleh jadi
perangsang tambahan
buat pesilat muda setempat

► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

ALMARI 'Hall of Fame' (pameran pencapaian) kian sempit, tetapi ia 'masalah gembira' bagi Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Ia memuatkan gambar pesilat nasional yang telah memenangi pingat emas di Kejohanan Dunia dan Sukan Asia Tenggara (SEA), dan menurut ketua pegawai eksekutif Persisi, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, ia mencerminkan perkembangan pesilat nasional sejak 1990-an.

"Lagi cepat penuh, lagi bagus," kata Sheik Alau'ddin, juara dunia dan Sukan SEA berganda. "Saya tunggu sahaja masanya mahu menambah ruang... Ia menunjukkan pesilat nasional kian berjaya di gelanggang utama antarabangsa."

Semalam, dua lagi pesilat disertakan ke Hall of Fame dalam majlis kecil di ibu pejabat Persisi, Kompleks Sukan Bedok.

Muhammad Hazim Mohd Yusli, 14 tahun, dan Sharifah Shazza Samsuri, 15 tahun, diberi penghargaan selepas memenangi pingat emas di Kejohanan Pencak Silat Belia Dunia bulan lalu.

Hazim, pelajar menengah tiga Sekolah Menengah Teck Whye, menunjukkan prestasi cemerlang di gelanggang Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur, Malaysia. Dia berjaya menundukkan lawan, Lin Duc Hoa, 5-0 dalam final Kelas A (39 hingga 43 kilogram).

Malah, sebelum peringkat akhir acara tanding itu, Hazim berganding dengan Muhammad Afiz Mohamed Zakri dan Amirul Syafiq Mohamed Faizul bagi memenangi pingat gangsa acara seni berpasukan lelaki.

Sementara itu, Shazza, yang baru sekitar dua tahun menceburi silat, memenangi pingat emas bagi acara tanding Kelas E (55 hingga 59 kilogram).

Pelajar Sekolah Menengah Outram itu seorang daripada tiga pesilat dari Singapura, Indonesia dan Vietnam yang diberi pingat emas dalam acara itu. Dalam acara itu, keputusan separuh akhir antaranya dengan peserta Indonesia dipertikai kedua-dua pihak.

Sheik Alau'ddin berharap pelantikan mereka ke Hall of Fame dapat membakar semangat pesilat muda supaya terus gigih menjalani latihan.

"Ia satu cara kami memberi dorongan tambahan kepada pesilat nasional, terutama yang lebih muda.

"Mereka melihat kandungan Hall of Fame ini sejak hari pertama menjejakkan kaki ke latihan nasional. Kami ingin tanam keinginan dalam jiwa mereka supaya memburu tempat di almari ini," katanya.


Dimulakan pada 2005, Hall of Fame Persisi bertujuan menghargai pencapaian pesilat nasional yang memenangi emas di Kejohanan Dunia dan Sukan Asia Tenggara (SEA).

Sebelum ini, pesilat perlu memenangi emas dalam kedua-dua pertandingan bagi 'melayakkan' diri ke Hall of Fame.

Namun, Persisi melonggarkan kriteria lalu melantik pesilat yang memenangi emas di salah satu pertandingan ke kumpulan pesilat elit itu.

Pesilat terakhir sebelum ini yang disertakan ke Hall of Fame ialah Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, 17 tahun. Beliau memenangi acara tanding Kelas J (90 hingga 95 kilogram) di Kejohanan Dunia ke-16 tahun lalu.

SILAT



SUMBER PERANGSANG: Muhammad Hazim Mohd Yusli memegang gambarnya yang kini dipamerkan di Hall of Fame Persisi. Bersamanya ialah CEO Persisi, Sheik Alau'ddin (kanan), dan rakan sepasukan nasional, termasuk juara dunia 2015, Sheik Farhan (tiga dari kanan). - Foto ZAINAL YAHYA

Dua pesilat
muda
masuk
senarai 'Hall
of Fame'

Muka 15



"Mereka melihat kandungan Hall of Fame ini sejak hari pertama menjejak kaki ke latihan nasional dan kami ingin tanam keinginan dalam jiwa mereka supaya memburu tempat di almari ini."

- Ketua pegawai eksekutif Persisi, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican.



INGIN MENAG LAGI: Shazza ingin terus membuktikan beliau layak bergelar juara dunia dengan memenangi pertandingan lain pada masa depan. - Foto fail